

KEPUTUSAN MESYUARAT JAWATANKUASA FATWA NEGERI PERAK

FATWA BIL. 20

HUKUM MENGAGIHKAN ZAKAT SECARA PERSENDIRIAN DAN QADA' ZAKAT

Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak kali ke 194 yang bersidang pada 7 Rabiulawal 1443H bersamaan 14 Oktober 2021 telah memperaku untuk menerima pakai keputusan Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Islam (MKI) sebagai Irsyad Hukum (Panduan Hukum) mengenai Hukum Mengagihkan Zakat Secara Persendirian dan Qada' Zakat. Dari sudut masalah dan siasah, zakat merupakan pemangkin kepada ekonomi umat Islam. Peraturan dan undang-undang yang telah ditetapkan oleh pemerintah atau *Ulil Amri* adalah demi menjaga hak dan kepentingan zakat tersebut. Walaupun dari sudut syarak, mengagihkan zakat secara persendirian tanpa melalui pemerintah adalah **sah** sekiranya diagihkan kepada asnaf yang layak, tetapi perbuatan melanggar peraturan dan undang-undang pemerintah dalam perkara kebaikan adalah **berdosa** kerana di dalam Islam patuh dan taat kepada pemerintah atau *Ulil Amri* dalam perkara kebaikan adalah wajib. Mengenai hukum qada zakat, ia **wajib** dilakukan bagi zakat yang telah memenuhi syarat wajib yang tidak ditunaikan pada masa yang sepatutnya.

Tarikh: 24 Jun 2022

No. fail: MN.Pk.A351.IST/05/9 JLD. 9

Status Fatwa : **Tidak warta**

Saya yang menjalankan amanah


(SS. DATO HAJI ZAMRI BIN HASHIM)
Timbalan Mufti Negeri Perak